




Benarkah perbankan Islam jalan pintas kepada riba. Ikuti penjelasan dalam kapsul BH TV Jom Tanya Ustaz.

# BH IBRAH

## Ekstremisme tidak mengenal agama

⊕ Penyelewengan ideologi undang keganasan



Oleh Latifah Arifin  
latifah@bh.com.my

**U**mpama bom jangka yang boleh meletup pada bila-bila masa, begitulah bahayanya gerakan radikal dan ekstremisme.

Sejak sekian lama, serangan keganasan terus berlaku di serata dunia dengan memanipulasi dan mempergunakan agama untuk menghalalkan perbuatan jenayah termasuk yang disasarkan kepada orang awam.

Hakikatnya, Islam sama sekali melarang keras perbuatan keganasan sesama makhluk, bahkan ekstremisme turut bertentangan dengan kepercayaan dan agama lain.

Antara punca utama gejala ekstremisme dan keganasan dalam beragama ini apabila wujudnya penyelewengan ideologi dengan sumbernya daripada tafsiran ahli

agama sendiri.

Faktor lain yang turut menyumbang kepada pelbagai keganasan termasuk penyebaran fitnah yang tidak terkawal dan boleh diakses melalui platform yang pelbagai khususnya di media sosial.

Pensyarah Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Asmadi Mohamed Naim, berkata ekstremisme tidak mengenal agama bahkan boleh berlaku kepada mana-mana bangsa tanpa mengenal warna kulit.

"Ekstremisme tidak mengenal perkara sama ada berbentuk kehidupan atau politik, bahkan dalam sejarah itu sendiri, ada kalanya ekstremisme politik boleh berubah menjadi pelampau agama."

"Umpamanya dalam kes di Christchurch, New Zealand, baru-baru ini, ia didorong fahaman keagungan bangsa kulit putih atau White Supremacy."

"Ia bukan ekstrem dalam erti kata gerakan politik sahaja, bahkan sehingga menjerus

kepada keganasan bahkan lebih parah menyebabkan berlakunya pembunuhan," katanya.

Asmadi berkata, dalam sejarah Islam dapat dilihat berlakunya perubahan sebegini yang berasal daripada gerakan politik dan kemudian berubah menjadi gerakan akidah.

"Gerakan Khawarij misalnya bermula sebagai gerakan politik yang kemudian menjadi gerakan akidah yang berpegang pelaku dosa besar menjadi kafir atau kafir hingga layak dibunuh."

"Begitu juga dengan gerakan Syiah yang berkecambah atas dasar politik kerana cintakan Saidina Ali Abi Talib RA tetapi meyakini khalifah ini sebagai maktum," katanya.

Beliau berkata, ekstremisme seperti sejarah Khawarij dan Syiah perlu ditolak kerana jelas menyalahi serta bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah (ASWJ).

Sementara itu, Pensyarah Ka-



Ekstremisme tidak mengenal perkara sama ada berbentuk kehidupan atau politik, bahkan dalam sejarah itu sendiri, ada kalanya ekstremisme politik boleh berubah menjadi pelampau agama"

Prof Dr Asmadi Mohamed Naim,  
Pensyarah UUM

nan, Pusat Akidah dan Keamanan Global, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, berkata ekstremisme dan radikalisme bersifat merentas agama.

"Banyak peristiwa sudah membuktikan gerakan yang dimainkan kelompok tertentu. Contohnya dalam konteks umat Islam, wujud kelompok seperti Islamic State (IS) atau DAESH yang memahami doktrin tauhid al-hakimyyah, iaitu pemerintahan hanya milik Allah SWT dan menolak sistem yang dianggap taghut seperti demokrasi.

"Inilah ideologi keganasan yang perlu dibanteras seperti sahabat dan tabiin menolak fahaman golongan Khawarij pada masa lalu.

"Ideologi yang dikenali sebagai Salafi Jihadi ini menyalahgunakan jihad untuk membunuh orang Islam dan bukan Islam yang tidak berdos.